

Headline	Peraturan baharu hapus diskriminasi pembawa HIV, penghidap AIDS		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	14 Oct 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 594
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,782



Peraturan baharu hapus diskriminasi pembawa HIV, penghidap AIDS

KUALA LUMPUR: Kerajaan mahu menggubal peraturan baharu dalam usaha menghapuskan diskriminasi terhadap pembawa HIV dan penghidap AIDS di tempat kerja.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr Richard Riot Jaem berkata kementerian merancang mengkaji semula secara holistik akta-akta sedia ada sebelum menggubal draf dan mengemukakannya kepada Jabatan Peguam Negara dan mengambil langkah seterusnya.

Bagaimanapun, katanya, tiada garis masa tertentu untuk menyiapkan draf itu.

“Tapi yang pasti penglibatan (semua pihak utama) amat penting dalam hal ini,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Forum Konsortium Perniagaan Malaysia mengenai HIV/AIDS 2017, di sini, Jumaat.

Dalam ucapannya, Riot menjelaskan bahawa syarikat-syarikat sedia ada dalam negara hanya dipandu oleh Kod Amalan Pencegahan dan Pengurusan HIV dan AIDS yang dibangunkan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 2001, yang menyokong pengwujudan suasana kerja yang tidak mudah menghakimi dan mendiskriminasi.

“Apa yang kira ada sekarang hanya garis panduan sukarela. Oleh itu hasrat kami ialah untuk menjadikannya suatu yang wajib,” katanya sambil menambah kata sejak pengenalannya, hanya 42 syarikat yang menerima pakai panduan itu.

Riot menyuarakan kebimbangannya bahawa walaupun kematian berkaitan AIDS telah stabil sejak sedekad lepas, dan membawa kepada perubahan ketara dalam kualiti kehidupan pembawa HIV

di negara ini, mereka masih terkesan dengan sikap, amalan dan dasar yang memberi stigma terhadap mereka di tempat kerja.

“Kita tidak harus lupa bahawa AIDS dan HIV tidak boleh menjangkiti seseorang begitu sahaja, tidak seperti penyakit bawaan udara misalnya,” katanya. - Bernama